

Kerajaan benar skim beli komputer KWSP setelah orang ramai merayu

UM 25 JULI 2009
PASIR GUDANG 25 Julai — Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad berkata, kerajaan **pada mulanya** tidak setuju dengan **cara** pembelian komputer melalui pengeluaran wang caruman Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP).

Bagaimanapun, katanya, kerajaan **membenarkan** pembelian melalui **cara** itu setelah dirayu oleh orang ramai.

“Orang ramai perlu membeli komputer **dengan** duit mereka sendiri tetapi mereka merayu mengatakan tiada **duit**, jadi **kita** benarkan mereka menggunakan **duit** KWSP,” kata beliau.

Dr. Mahathir menyatakan demikian **pada** sidang akhbar selepas merasmikan Program Sehari Bersama Penerbit Ke-4 anjuran Perpustakaan Negara Malaysia, di **sini** hari **ini**.

Timbalan Menteri Kewangan, Datuk Shafie Salleh hari **ini** berkata, Skim **Pengeluaran** Pembelian Komputer (SPPK) kendalian KWSP yang **banyak** menimbulkan masalah **penyelesaian** kemungkinan akan dimansuhkan September ini.

Tegas Dr. Mahathir, kerajaan tidak suka orang ramai **menggunakan** duit KWSP kerana **wang** itu **untuk digunakan** selepas persaraan mereka.

“Tapi orang **kita** mempunyai pemikiran **setakat** hari **ini**, kalau dapat duit hari **ini** mereka seronok, tak tau masa depan dan bila sudah berhenti kerja tiada duit baru merana,” **kata-**nya.

Perdana Menteri berkata, skim **tersebut** sudah terlalu **banyak** disalah **gunakan** dan perlu kajian semula **bagi** memperkemarkan **lagi** skim tersebut.

“Kita tau **ada** salahguna yang **banyak**, duit kita ambik sebanyak **RM3,000** **tetapi** **bagi** orang **RM2,000** **untuk** “mendapatkan **resit** **kononnya** beli komputer, **tapi** **cuma** dapat **RM1,000** **sahaja**... bodohlah,” katanya.

Perdana menteri berkata, **kini** komputer tidaklah terlalu **mahal** malah terdapat ansuran bulanan sebanyak **RM50** untuk membeli **komputer**.

Semalam Dr. Mahathir melancarkan **komputer** nasional, Komnas Twenty-20 yang berharga **RM1,899** dengan skim pembelian khas dengan bayaran di bawah **RM50** sebulan.